

PABILA TIANG SERINYA SUDAH HILANG, RUMAH TUA TIADA ERTINYA. DAMAILAH MAK DI SANA...



Buat kalian yang sedang membaca nukilan ini, mohon jika tidak keberatan sudi-sudikanlah meluangkan sedikit masa menyedekahkan bacaan Ummul Kitaab kepada Allahyarhamah emak mentua saya yang hari ini genap seminggu dijemput Ilahi tanggal 29 Ogos lalu. Moga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama mereka yang beriman, para mukminin dan solehin. Al Fatihah...

Menjentik Hati, Meruntun Jiwa

Sejujurnya ini bukan kali pertama saya menulis sebagai penghormatan buat insan yang sudah tiada. Namun, untuk menyusun bait ayat lalu menyimpulkannya pada ruang ini amat payah rasanya. Serasa ada yang tersekat, berat dirundung kesedihan yang sarat hingga adakalanya melarat-larat.

Sungguh dan benarlah kata kebanyakan orang. Hanya apabila kita kehilangan insan tersayang (terutamanya ahli keluarga) barulah kita sendiri tahu dan faham bagaimana 'rasa' kehilangan itu. Betapa sunyinya hari-hari yang dilewati walaupun masa diisi dengan gelak tawa anak-anak juga ahli keluarga lain. Tentang bagaimana peritnya mengharungi setiap waktu apabila seolah-olah terlihat kelibatnya disana sini. Bayangan dia yang telah pergi meninggalkan kenangan pilu cukup menyakitkan. Rasa ada yang tiada pada setiap ketika.



Emak... Pemergian susuk yang menjadi denyut nadi seisi rumah seakan meragut kebahagiaan dan tenteram jiwa penghuninya. Hilang seri rumah bila tiangnya sudah pergi buat selamanya. Tiada lagi kedengaran suaranya, leterannya yang berjeda, kelentang-keletung di dapur memasak juadah kegemaran anak-cucunya. Yang “menghidupkan” suasana, yang menerangi kelam dan suram sehari-hari. Kini yang ada cuma bertemankan sepi dan sunyi.

Rakaman video, koleksi foto-foto lama di dalam album juga dalam galeri telefon pintar menjadi teman setia saban hari. Hanya itu sahaja yang mampu ditatap buat melepas rindu. Sungguh, rindu pada yang tiada cukup menyakitkan, memeritkan.





Allahu... Ini kali keempat saya kembali 'merasai' kehilangan selepas pemergian ahli keluarga yang rapat dengan saya. Pertamanya ketika Maktok (panggilan nenek bagi orang Utara) tanggal 26 Mac 2007. Disusuli dengan pemergian arwah sepupu (2014) kemudian arwah ibu saudara (2018)

Dan kehilangan ibu mentua Allahyarham Hajah Ainon Mohamed 29 Ogos lalu (Selasa jam 2.32 petang) cukup meninggalkan kesan paling dalam yang pastinya menjadi momen tersimpan rapi dalam memori.

Ya, dia hanya ibu mentua. Tetapi darjatnya sama taraf seperti ibu kandung yang selayaknya dihormati, dikasihi dan disayangi. Apatah lagi saya pernah tinggal sebumbung hampir tujuh tahun bersamanya. Dilayani dan dianggap seperti anak sendiri, cukup untuk saya gambarkan diri sebagai menantu paling bertuah direzekikan punya ibu mentua sepertinya.



Emak jarang sekali sakit. Yang ada cuma sakit biasa. Lenguh-lenguh kaki, sengal pada sendi, sakit kepala dan pinggang. Sejarah penyakitnya seperti kebanyakan warga emas yang lainnya. Ada darah tinggi dan kencing manis tetapi masih terkawal keadaannya. Pendek kata memang dia sihat, kuat lagi bertenaga pada usianya 79 tahun.

Mungkin kerana dia tidak betah untuk duduk diam tanpa melakukan apa-apa kerja membuatkan dia 'kuat' dan sihat dalam kebanyakan waktu. Ayunan langkah dan gerak gerinya masih tegap, tidak menggunakan tongkat atau berkerusi roda. Syukur Alhamdulillah. Hanya apabila terlalu lama berdiri dek kerana melakukan itu dan ini, barulah dia mengadu kepenatan dan keletihan.

Dalam kebanyakan waktu, ada saja yang mahu 'dikerjakannya' dan 'dikejanya'. Walhal boleh saja kami (anak-anak — menantu-menantu — cucu-cucu) melunaskan semua kerja-kerja rumah. Namun dia tetap bertegas mahu lakukan sendiri. Penat dan letih ditolak tepi asalkan dia puas pabila tangannya sendiri yang menyempurnakan segala. Itulah ibu mentua saya juga ibu kepada sembilan anak kesemuanya (tujuh perempuan, dua lelaki).



30 Hari yang Menguji


Hasil pemeriksaan di KJMC (31 Julai sebelah siangnya) doktor maklumkan emak menghidap masalah kegagalan buah pinggang lantas perlu dirujuk ke hospital segera. Allahu Akbar, mungkin inilah asbab emak sakit perut beberapa minggu sebelumnya — itu telahan saya pada awalnya. Lantas malam itu juga emak dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan selanjutnya.

Dan bermulalah segalanya. Permukaan kulit emak yang nipis itu saban kali dicucuk. Bersilih ganti jarum menembusi urat hingga bengkak dan lebam kedua-dua belah tangannya. Darah diambil, drip dimasukkan. Sampaikan emak menangis tak mampu menahan sakitnya. “Nak ambil darah lagi ke? Makcik tak tahan dah, sakit” seraya mengalir air matanya.



Pemeriksaan dan ujian demi ujian dilakukan pada emak. Dan apa yang menakutkan kami semua benar-benar terjadi. Kami mengharapkan ia negatif namun doktor mengesahkan emak menghidap kanser darah (multiple myeloma) yang mengganggu sistem dan fungsi organ dalaman seperti tulang, buah pinggang dan darah yang mengalir seluruh anggota badan.

Allahu... Dengan faktor usianya, masalah kegagalan buah pinggang yang dialami bagaikan meranapkan harapan kami untuk melihat emak kembali sembuh. Dan ketika doktor memberitahu kanser ini tiada ubatnya cuma rawatan sebagai alternatif untuk membantu proses jangka hayat pesakit — sekali lagi saya terkedu memikirkan keadaan emak yang terpaksa menanggung sakit.



Hatinya meronta-ronta mahu balik ke rumah. Bagi emak dah terlalu lama dia di hospital. Rindu nak bermain dan bergelak tawa bersama cucu-cucunya. Rindu nak bersua muka dengan jiran tetangga juga kawan-kawan surau, rindu nak masak kemudian disedekahkan kepada jiran dan rakan terdekatnya, rindu nak buat kerja-kerja rumah. Ya, emak rindu rutin hariannya yang sibuk menguruskan segala. Namun apakan daya, kudratnya tidak lagi bersisa. Selera makannya kian hilang hari demi hari hingga susut tubuhnya, cengkung raut mukanya.

Maka bergilirlah anak-anak dan menantu menjaganya siang dan malam. Semua itu dilakukan demi tanggungjawab dan kasih sayang yang tak pernah berbelah bagi buat emak tercinta. Apa sangatlah berkorban waktu tidur jika nak dibandingkan dengan segala penat lelah emak membesarkan anak-anak dan menjaga cucu-cucunya. Takkan pernah sama nilainya andai mahu ditimbang tara.

Penat? Bohonglah jika tidak terasa lelahnya lebih-lebih lagi apabila waktu tidur sudah berganti dengan waktu berjaga. Emak sendiri susah nak lelapkan mata. Ada saja doktor dan jururawat datang menyapa mengejutkan tidurnya. Mahu diambil darah, diperiksa tekanan darahnya, diberi ubat dan pelbagai lagi. Lalu, waktu yang sepatutnya emak rehat terganggu. Langsung terkesan emosi dan pemikirannya.

Bagai Berperang Dengan Masa


Emak sakit tidak lama, hanya sebulan sahaja. Dan sakitnya tidak melarat (bukan keluar masuk hospital dalam berbulan atau bertahun tempohnya). 30 hari dia diuji. Dan ujian itu bukan sekadar Allah kirimkan untuk emak, tetapi juga buat kami.



Tentang bagaimana kami perlu sepakat, ketepikan apa jua perihal peribadi, kerja-kerja di pejabat, komitmen lain demi meluangkan masa dengan emak. Berkorban mengikut kemampuan masing-masing. Waktu, wang ringgit segalanya kami cuba sempurnakan sehabis baik — Demi Emak.

Melihatkan keadaan emak yang saban hari dan berganti minggu semakin merosot, hati saya mula membisikkan sesuatu yang kurang enak. Bukan tidak cuba bersangka baik emak akan pulih dan sembuh. Tetapi apabila mata sendiri yang memerhatikan dan menjadi saksi segala perubahan fizikal yang emak lalui, saya fikir kami perlu akur, bersedia dan cuba berdamai dengan takdir. Bersiap siaga dengan apa jua kemungkinan pada bila-bila masa. Ya, kami umpama berperang dengan masa.





Waktu bersilih ganti, kondisi emak kian lemah. Doa dan kebergantungan pada-Nya berada di tampuk paling atas. Benar kami sudah berikhtiar dan berusaha untuk mengubati emak. Hanya dengan izin dan kuasaNya yang mampu merubah segala. Tetapi jauh disudut hati yang paling dalam, harapan kian tipis untuk melihat emak pulih, sembuh dan sihat seperti sedia kala.

Saya tetap rasional dan realistik apabila membaca mesej WhatsApp daripada ipar duai yang sentiasa 'update' perkembangan emak dari masa ke masa. Setiap kali emak perlu menjalani rawatan dialisis, waktu itu jugalah saya memanfaatkan untuk bermunajat. Memohon pertolongan daripada-Nya agar rawatan tersebut berjalan dengan lancar. Saya titipkan bacaan surah Yassin juga solat sunat hajat mengharapkan bantuan Allah SWT semata-mata agar semuanya dipermudahkan. Itu sahaja yang mampu dan terdaya saya usahakan buat emak.

Emak tidak lagi boleh dipaksa untuk menelan air atau makan secamca dua. Kerana sel-sel kanser dan komplikasi organ dalaman lain kian memperlihatkan kesannya pada emak. Dia yang menanggung sakit dan kami sudah berikhtiar sehabis baik untuk cuba merawatnya. Selebihnya hanya kuasa Allah yang mampu menyembuhkan.



Hinggalah paling ketara seminggu sebelum emak pergi, saya lihat sendiri perubahan beberapa bahagian tubuhnya yang tidak lagi sama seperti sebelumnya. Hari Sabtu (26 Ogos) kelihatan hidung dan telinganya mulai jatuh. Begitu juga selera makannya, hanya dua camca bubur yang mampu ditelan. Selain itu hanya air biasa dan air zam zam yang dibasahkan pada bibirnya.

Sungguhpun begitu, deria telinganya masih dapat mendengar dengan jelas suara yang singgah di telinganya. Saya bisikkan di telinga “Mak, ni Huda” sambil sesekali merangkul kemas jari jemarinya. Lantas dia bertanya “Siapa tengok budak?” (anak-anak saya) Betapa walau dalam kesakitan, ingatannya tetap pada cucu-cucunya yang sudah terlalu lama tidak berjumpa. Nenek rindukan cucu-cucunya yang masih kecil. Hanya ‘video call’ yang menjadi perantara sementelahan kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat.

Setiap kali sebelum balik, saya bisikkan di telinganya “Mak, Huda balik dulu. Esok Huda datang lagi. Mak ingat Allah ya. Zikir, sebut Allah. Minta ampun minta maaf mak kalau ada salah silap Huda. Halalkan makan minum Huda mak”. Jari jemarinya yang bengkak itu saya kucup dengan penuh rasa kasih dan sayang. Pipinya yang kian cengkung juga dahinya yang sesekali berkerut menahan sakit saya cium. Dengan harapan esok masih ada untuk saya dan ahli keluarga yang lain meluangkan masa.



Akhirnya Mak Balik Ke Rumahnya, Tapi...

Acap kali kita mendengar sakit itu penghapus dosa. Sesuai dengan sepotong hadis daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)

Lantaran itu doa yang sama kami panjatkan buat emak. Moga Allah angkat segala penyakit dan hilangkan kesakitannya. Dan ternyata Allah memuktamadkan janjinya bersama setiap hamba-Nya yang sudah tertulis di loh Mahfudz. Tanggal 29 Ogos, bersamaan Selasa jam 2.32 petang emak menghembuskan nafas terakhirnya disisi anak sulung dan anak kelima.

Dan tatkala mendapat perkhabaran duka itu, masa seakan terhenti. Kosong... Hingga tiada kata-kata yang mampu terluah untuk menggambarkan gejolak rasa yang menyesakkan dada. Kelu lidah untuk melazimi perkataan 'arwah emak'. Untuk mengakui bahawa panggilan emak itu sudah tiada makna lagi. Sekuat manapun hati cuba menerima dan reda dengan pemergiannya, tetap berasakan ini semua bagai mimpi. Bukanlah hari yang dinanti tetapi janji Allah itu pasti bahawa setiap yang hidup akan merasai mati. Innalillahi wainna ilaihirajiun. Emak kami yang dikasihi lagi disayangi sudah pulang ke negeri abadi, menemui Dia Yang Maha Esa. Terpisah sudah buat selama-lamanya.



Hikmah Berhenti Kerja

Sesungguhnya Dialah sebaik-baik Perancang. Dialah Pentadbir yang Maha Hebat. Pada ketika saya nekad memilih untuk tidak lagi bekerja, inilah hikmah yang tidak terduga. Allah angkat doa saya yang tidak mahu lagi menyusahkan emak menjaga anak-anak saya selama ini. Selepas sebulan berhenti kerja, emak dimasukkan ke hospital. Dan tempoh sebulan yang pertama itu saya andaikan Allah mahu 'siapkan' saya untuk sedia mengambil alih tugas hakiki sebagai ibu. Menjaga makan — minum, pakai anak-anak dan suami sepenuhnya tanpa bantuan emak.



Mengimbas semula, sudah 10 bulan tidak lagi tinggal sebumbung dengannya kerana kami sudah berpindah ke rumah sendiri. Ternyata percaturannya sedikit demi sedikit bagaikan menjentik hati dan 'mengajar' kami suami isteri tanpa disedari. Pernah kami berbual santai di dapur pada Sabtu malam minggu. Soal emak "Kau berhenti kerja tu nanti dapat duit ke?" Laju saya menganggukkan kepala. Saya faham dalam kondisi kos sara hidup yang cukup mencabar; dia bimbang andai saya tersalah langkah dalam membuat keputusan. "Dapat duit tak apa, ada lah tu rezeki anak. Usaha dengan rajin aje" tuntasnya penuh yakin bagaikan memujuk hati saya yang turut bimbang memikirkan apa perlu dilakukan seterusnya untuk kelangsungan hidup kami sekeluarga.

Ya Rabb, indahnyanya rencana dan susun atur perjalanan yang telah Engkau bentangkan. Walau diselimuti kerisauan memikirkan keadaan emak, terselit rasa syukur dengan hikmah ini. Sehebat manapun kita merancang, tiada yang lebih baik daripada apa yang Dia tentukan.



Hiduplah Kami Bersama Kenangannya

Buat terakhir kalinya, saya kuatkan semangat untuk berbakti kepada emak sebelum jenazah ke liang lahad. Ditemani jiran dan bekas menantu emak, kami mengemas dan menyiapkan apa yang perlu untuk menyambut 'kepulangan' emak ke rumahnya. Menelusuri waktu kala jenazah tiba sekitar jam 5.30 petang itu, perasaan sayu dan hiba terus menyelubungi suasana. Hanya Allah yang tahu perasaan sedih lagi pilu melihatkan sekujur tubuh kaku di tengah ruang tamu menanti kunjungan saudaramara, sahabat handai, jiran tetangga memberi penghormatan terakhir.

Keesokan paginya (30 Ogos, Rabu) jenazah dibawa ke Surau Al Kauthar (BAKIS) untuk dimandi dan dikafankan. Syukur, rezeki emak yang beranak ramai. Kesemua tujuh anak perempuan emak dan dua menantu perempuan berganding bahu menyempurnakan fardhu kifayah ini. Tiada sekelumit pun rasa takut walau ini kali kedua saya membantu memandikan jenazah.

Yang berlegar diingatan adalah tangan emak yang memasak dan menyuapkan anak-anak saya makan. Tangan inilah yang menyediakan hidangan dan tidak membuatkan kami kelaparan malah sentiasa kekenyangan dengan setiap masakannya. Tangan inilah yang merawat apabila cucu-cucu mengadu sakit dan demam. Allahu... terlalu banyak jasa dan keringat dari emak untuk kami. Yang menjaga siang dan malam dari saat melahirkan hingga anak-anak sudah berkeluarga semuanya.



Usai jenazah dimandi dan dikafankan, tibalah saat yang meruntun segenap jiwa. Kali terakhir dapat menatap dan mencium wajahnya. Syahdu rasa itu. Bersilih ganti anak-anak, menantu-menantu dan cucu-cucu mengucup emak buat kali terakhir seraya menahan tangis yang sudah berkaca di kolam mata.

Syukur semuanya berjalan dengan lancar dan baik pagi itu. Mendung ketika solat jenazah bagaikan mengerti redup hati yang perlu merelakan pemergian emak menemui Ilahi.

Maka 'hiduplah' kami dalam lipatan kenangan yang menjadi sandaran di hari depan. Kadang kala seakan-akan terdengar suara emak dari dapur memanggil cucu-cucunya untuk mandi dan makan, serasa terngiang-ngiang ditelinga mendengar dia melatah, bagaikan baru semalam ternampak kelibatnya duduk di kerusi kegemarannya menonton Tanyalah Ustaz setiap pagi, meletakkan bakul berisi kain baju lalu dilipatnya satu per satu sekitar jam 2 petang setiap hari.

Ahhh... Semua itu dan banyak lagi memori bakal menjadi azimat buat kami melampiaskan rasa rindu yang tak bertepi. Menangislah semahunya, lepaskan...luahkan. Jangan disimpan, usah ditahan-tahan. Pujuk hati, wahai jiwa-jiwa yang tenang...redakan kepergiannya. Tiada sebaik-baik tempat melainkan dia bersama Sang Pencipta. Tekuni setiap ilmu, petua dan apa jua tinggalannya yang pastinya cukup bermakna lagi berharga. Teruskan legasinya yang tak pernah lokek bersedekah dari air tangannya.



إنا لله وإنا إليه راجعون

HJH AINON BINTI MOHAMED

telah kembali ke RAHMATULLAH

Semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan mereka yang beriman

16/3/1944 - 29/8/2023



Damailah emak di sana, tenang bersama Maha Pencipta. Ya Allah, ampuni dosa-dosa emak Hajah Ainon Mohamed, kasihani emak kami, luaskan kuburnya, lapangkan tempat persemadiannya, jadikanlah ia salah satu daripada taman-taman syurga. Jauhi emak daripada azab kubur dan api neraka. Terimalah segala amal ibadatnya dan tempatkan rohnya bersama para mukminin dan solehin. Allahummaghfirlaha warhamha waafiha wa'fuanha.

Al Fatihah.



Huda
MENULIS